



TATACARA INVOIS KEPADA PIHAK KETIGA

Untuk makluman tuan/puan, modul Portal Pelanggan telah dibangunkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat bagi menambahbaik proses pengurusan dan pemantauan pelanggan yang melibatkan permohonan dan kelulusan inbois, pemantauan bayaran, penerimaan pembayaran dan pelaporan yang dibuat secara manual sekarang ini. Pelaksanaan modul Portal Pelanggan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bendahari (JKPB) dalam mesyuaratnya pada 21.12.2022 dan telah sedia untuk digunapakai oleh PTj.

Lanjutan daripada sesi Demo Portal Pelanggan (Customer Portal) semasa Mesyuarat Bendahari Bersama PTj Bil. 01/2023 pada 25 Januari 2023, disenaraikan dokumen berikut untuk rujukan dan tindakan pihak PTj selanjutnya;

- a) LAMPIRAN 1 : Borang Permohonan Akses Portal Pelanggan – PEMOHON (diisi oleh pemohon inbois)
 - b) LAMPIRAN 2 : Borang Permohonan Akses Portal Pelanggan – PELULUS PTJ (diisi oleh pegawai kewangan PTJ/Pegawai yang akan menyemak dan meluluskan inbois sebelum dihantar ke Bendahari)
 - c) LAMPIRAN 3 : Carta Alir Proses Pengurusan Inbois
 - d) LAMPIRAN 4 : Tatacara Permohonan Inbois Kepada Pihak Ketiga – PEMOHON
 - e) LAMPIRAN 5 : Tatacara Permohonan Inbois Kepada Pihak Ketiga – PELULUS PTJ
- 